

**A Hong Leong Bank Bhd lwn Chan Siew Tneg (p) dan satu lagi**

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN NO J02-400  
TAHUN 2011

**B ABU SAMAH, AZAHAR MOHAMED DAN ALIZATUL KHAIR HHMR  
21 DISEMBER 2011**

*C Pewarisan — Pentadbiran — Tindakan pentadbiran — Rayuan — Tuntutan dibuat selepas 11 tahun mendapat surat kuasa mentadbir — Keterangan berasaskan surat pengesahan dan keterangan anak lelaki si mati — Dokumen lain tidak dikemukakan — Wang tidak lagi dalam akaun simpanan — Akaun simpanan telah ditutup — Sama ada hakim Mahkamah Tinggi tersalah arah dirinya — Sama ada plaintif berjaya membuktikan kes imbalan kebarangkalian*

**D** Ini adalah rayuan oleh defendan terhadap keputusan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi yang membenarkan tuntutan kedua-dua plaintif. Plaintif pertama dan kedua, masing-masing, merupakan balu dan anak lelaki si mati. Kedua-dua mereka telah dilantik sebagai pentadbir harta pusaka si mati dan telah menuntut wang sebanyak RM1,450,000 berdasarkan surat defendan kepada peguam mereka bertarikh 9 Jun 1994. Setelah memperolehi surat kuasa mentadbir pada 31 Oktober 1995, tuntutan hanya dibuat 11 tahun kemudian iaitu pada 19 Jun 2006. Hujahan plaintif-plaintif sekadar bersandarkan kepada keterangan plaintif kedua dan surat pengesahan oleh defendan.

**F** Plaintif-plaintif tidak mengemukakan sebarang dokumen khususnya resit simpanan tetap sebagai menyokong tuntutannya. Walau bagaimanapun, defendan menyatakan bahawa wang tersebut tidak lagi terdapat dalam akaun simpanan si mati. Di akhir perbicaraan penuh, hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan plaintif dengan kos. Isu-isu yang timbul adalah,

**G** pertamanya, sama ada hakim Mahkamah Tinggi telah tersalah arah dirinya dari segi undang-undang dan fakta dan kedua, sama ada plaintif berjaya membuktikan kesnya atas imbalan kebarangkalian.

**Diputuskan**, membenarkan rayuan defendan dengan kos:

**H** (1) Hakim Mahkamah Tinggi telah tersilap arah dirinya dari segi undang-undang dan fakta dengan memutuskan bahawa defendan gagal membuktikan secara konklusif tanpa sebarang keraguan. Beban untuk membuktikan kes atas imbalan kebarangkalian terletak pada plaintif. Defendan menyatakan bahawa pada tarikh dan masa plaintif membuat tuntutan bagi jumlah tersebut, wang tersebut tidak lagi berada dalam akaun simpanan tetap si mati. Ia telah dituntut sebelumnya dan telah dibayar kepada penuntut melalui dua cek bank. Sebaliknya, plaintif tidak mengemukakan sebarang resit asal simpanan tetap kepada defendan bagi menyokong permohonannya (lihat perenggan 11 & 12).

- (2) Plaintiff hanya perlu mengemukakan resit asal simpanan tetap kepada defendan atau mengemukakan resit tersebut semasa perbicaraan bagi menyokong tuntutan. Seksyen 101 Akta Keterangan 1950 jelas memperuntukkan beban bukti terletak pada plaintiff dan plaintiff gagal berbuat demikian. Dalam keterangannya plaintiff tidak berjaya menyangkal pembelaan defendan bahawa wang tersebut telah dituntut dan dibayar kepada plaintiff dan bahawa akaun tersebut telah lama ditutup (lihat perenggan 16). A
- (3) Hakim Mahkamah Tinggi gagal mengambil kira keterangan mengenai prosedur pengendalian akaun simpanan tetap bank defendan walaupun dalam mengakui dalam penghakimannya bahawa prosedur tersebut 'bersifat urusan dalam bank' dan 'tidak wajar dipertikaikan oleh mana-mana pihak' (lihat perenggan 18). B
- (4) Hakim perbicaraan gagal menimbangkan bahawa liabiliti bank defendan untuk membuat bayaran hanya timbul apabila plaintiff telah memenuhi pra-syarat dengan mengemukakan resit simpanan tetap. Tanpa memenuhi syarat tersebut, plaintiff tiada sebarang kausa tindakan terhadap defendan. Di samping itu, tiada sebarang penemuan fakta bahawa wang berjumlah RM1,450,000 tersebut masih ada dalam akaun simpanan si mati (lihat perenggan 23). C
- D
- E

#### [English summary

This was an appeal by the defendants against the decision of the learned High Court judge who allowed the claim of both the plaintiffs. The first and second plaintiffs were the widow and the son of the deceased, respectively. Both were appointed as the administrator of the estate of the deceased and claimed the sum of RM1,450,000 based on the defendant's letter to their lawyer dated 9 June 1994. Upon obtaining the letters of administration on 31 October 1995, the claim was only made after 11 years later ie on 19 June 2006. The plaintiffs' contention was merely based on the testimony of the second plaintiff and the letter of affirmation by the defendant. The plaintiffs did not adduce any document particularly the fixed deposit receipt to support its claim. However, the defendant stated that the money was no longer in the account of the deceased. At the end of the full trial, the High Court judge had allowed the plaintiffs' claim with costs. The issues that arose were, firstly, whether the High Court judge had misdirected himself in law and facts, and secondly, whether the plaintiffs were successful in proving its case on a balance of probabilities. F

G

H

**Held**, allowing the defendant's appeal with costs: I

- (1) The High Court judge had misdirected himself in law and facts by deciding that the defendant had failed to conclusively prove without any doubt. The burden to prove the case on a balance of probability was on the plaintiffs. The defendant stated that on the date and times the

- A plaintiffs made their claim for the amount, the money was no longer in the fixed deposit account of the deceased. It had been claimed before and was paid to the claimant via two bank cheques. On the other hand, the plaintiffs did not produce any original receipt of the fixed deposit to the defendant to support its claim (see paras 11 & 12).
- B (2) The plaintiffs need to only produce the original fixed deposit receipt to the defendant or produce the receipt during the trial to support their claim. Section 101 of the Evidence Act 1950 clearly provided that the burden of prove was on the plaintiffs and the plaintiffs had failed to do so.
- C In their testimony, the plaintiffs did not successfully rebut the defendant's defence that the money had been claimed and paid to the plaintiffs and that the account had been closed for a long time (see para 16).
- D (3) The High Court judge had failed to take into account the evidence as to the procedure as regards to the operation of the fixed deposit account of the defendant bank although admitted in his judgment that the procedure was 'bersifat urusan dalam bank' and 'tidak wajar dipertikaikan oleh mana-mana pihak' (see para 18).
- E (4) The trial judge had failed to consider that the liability of the defendant bank to make payment arose only if the plaintiffs had fulfilled the preconditions by adducing the fixed deposit receipts. Without fulfilling the condition the plaintiffs had no cause of action against the defendant. Apart from that, there was no finding of facts that the money amounting to RM1,450,000 was still the savings account of the deceased (see para 23).]
- F

**Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai tindakan pentadbiran, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 2133–2135.

**G Kes-kes yang dirujuk**

*Atkinson v The Bradford Third Equitable Benefit Building Society* (1890) 25 QBD 377, MR (dirujuk)

*Voo Foot Yiu v Oversea Chinese Banking Corp'n Ltd* [1936] MLJ 213 (dirujuk)

**H Undang-undang yang dirujuk**

Akta Keterangan 1950 ss 101, 114(g)

Akta Syarikat 1965 s 167(2)

**I Rayuan daripada:** Guaman Sivil No 14–22–589 Tahun 2006 (Mahkamah Tinggi, Johor Bahru)

*SL Goh (WL Lim bersamanya) (Shook Lin & Bok) bagi pihak perayu/defendan. L Partiban (Lau Kok Guan bersamanya) (Lau Kok Guan & Associates) bagi pihak responden/plaintif.*

**Abu Samah HMR:**

[1] Ini ialah rayuan oleh defendan terhadap keputusan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru yang membenarkan tuntutan kedua-dua plaintif ('plaintif') ke atas wang berjumlah RM1,450,000 yang dikatakan masih ada di dalam akaun deposit tetap No 00596-7 dengan bank defendan. Akaun tersebut adalah di atas nama Ng Eng Yeow ('si mati') yang telah meninggal dunia di Singapura pada 11 November 1993.

[2] Plaintif pertama ialah balu si mati. Plaintif kedua ialah anak laki-laki si mati. Mereka telah dilantik pentadbir harta pusaka si mati melalui surat kuasa mentadbir bertarikh 31 Oktober 1995.

[3] Mereka menuntut wang tersebut berdasarkan kepada surat defendan bertarikh 9 Jun 1994 kepada peguam mereka yang mengesahkan bahawa amaun yang masih ada di dalam akaun tersebut ialah sebanyak RM1,450,000. Defendan mengesahkan amaun tersebut di atas permintaan peguam plaintif untuk membolehkan plaintif memohon surat kuasa mentadbir harta pusaka si mati.

[4] Keterangan bagi pihak plaintif di dalam kes ini menunjukkan bahawa selepas memperolehi surat kuasa mentadbir pada 31 Oktober 1995, mereka tidak ada membuat tuntutan ke atas wang tersebut. Mereka hanya membuat tuntutan ke atas wang tersebut sebelas tahun kemudian iaitu pada bulan Mei dan Jun 2006 melalui surat peguam mereka kepada defendan, tetapi gagal mendapatkan wang tersebut. Surat terakhir peguam plaintif ialah pada 19 Jun 2006. Pada 1 Ogos 2006 plaintif memfailkan tindakan ini.

[5] Pada 14 Ogos 2006 defendan telah menjawab surat peguam defendan dan menyatakan bahawa wang dari akaun simpanan tetap tersebut telah dituntut dan dikeluarkan. Antara lain surat tersebut menyatakan:

With reference to M/s Shariff & Som's letter dated 10/5/2006 and 30/5/2006, please be advised that all the 29 Fixed Deposit receipts placed with our Johor Bahru branch under the Estate's name has been redeemed on 30/11/1995 and 30/10/1996 respectively. Out of the 29 withdrawals, 27 were made on 30/11/1995 while 2 were made on 30/10/1996. All the 29 withdrawals were made via Banker's Cheque number 9590 to the joint payee's name of Ng Choon Kiat (S7016309H) and Chan Siew Tneg (S0594035D).

[6] Defendan di dalam penyata pembelaannya menyatakan bahawa wang tersebut sudah tidak ada di dalam akaun simpanan tetap si mati. Wang tersebut telah dikeluarkan dan dibayar kepada plaintif apabila mereka menyerahkan

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A** resit-resit simpanan tetap bagi menyokong tuntutan mereka. Bayaran ini telah dibuat melalui cek bank ('bankers' cheque') bertarikh 30 November 1995 bagi amaun RM1,446,364.75 dan cek bank bertarikh 30 Oktober 1996 bagi amaun sebanyak RM113,090.28.
- B** [7] Selepas perbicaraan penuh, hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan plaintif dengan kos. Kes plaintif hanyalah bersandarkan kepada keterangan plaintif kedua; surat pengesahan defendan bertarikh 9 Jun 1994 bahawa pada tarikh tersebut jumlah wang di dalam akaun tetap si mati ialah RM1,450,000; dan surat kuasa mentadbir.
- C** [8] Plaintif tidak ada mengemukakan sebarang dokumen, khususnya resit simpanan tetap bagi menyokong tuntutannya.
- D** [9] Plaintif pertama tidak ada memberi keterangan kerana ia sedang menjalani rawatan perubatan di China. Bagaimanapun plaintif kedua (SP1), di dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau dan ibunya tidak ada membuat tuntutan ke atas wang tersebut sebelumnya, tidak ada menyerahkan resit simpanan tetap kepada defendan dan tidak pernah hadir di bank defendan untuk membuat tuntutan atau mengambil wang tersebut. SP1 mengaku bahawa ia tidak ada membuat laporan polis apabila diberitahu bahawa wang di dalam akaun simpanan tetap si mati telah dikeluarkan.
- E**
- F** [10] Hakim Mahkamah Tinggi telah membenarkan tuntutan plaintif atas alasan bahawa:
- (a) plaintif telah berjaya membuktikan kesnya di atasimbangan kebarangkalian;
- G** (b) saksi-saksi defendan tidak mempunyai pengetahuan peribadi ke atas akaun tersebut dan transaksi-transaksi berkaitan dengan akaun tersebut;
- (c) s 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai terhadap defendan kerana kegagalannya memanggil beberapa saksi penting seperti pegawai bank defendan yang mempunyai pengetahuan peribadi ke atas akaun tersebut; pegawai dari Bank Negara Malaysia mengenai tempoh akaun-akaun bank perdagangan perlu disimpan; dan pegawai dari Malayan Banking Bhd mengenai cek bank yang ditunaikan oleh plaintif;
- H**
- I** (d) defendan gagal mengemukakan resit-resit asal simpanan tetap yang telah diserahkan kepada defendan pada 30 November 1995 dan 30 Oktober 1996;
- (e) defendan gagal mengemukakan dokumen bahawa plaintif ada mengakui terima wang tersebut;

- (f) dari segi logiknya, sukar dibayangkan/dan diterima akan kewajaran plaintif memfailkan tindakan ini, jika benar wang tersebut telah diterima dan dijelaskan kepada mereka; dan **A**
- (g) plaintif mempunyai 'legitimate expectation' ke atas wang tersebut. **B**
- [11] Setelah mendengar hujah kedua-dua pihak dan meneliti keterangan di dalam rayuan ini, kami mendapati YA Hakim Mahkamah Tinggi telah tersilap arah dari segi undang-undang dan fakta. Beban adalah terletak pada plaintif untuk membuktikan kes mereka di atasimbangan kebarangkalian. **B**
- [12] Tuntutan plaintif hanyalah semata-mata bersandarkan kepada surat pengesahan oleh defendan bertarikh 9 Jun 1994 bahawa pada tarikh tersebut terdapat wang berjumlah RM1,450,000 di dalam akaun tetap si mati. Plaintif tidak ada mengemukakan resit asal simpanan tetap kepada defendan bagi menyokong permohonannya untuk mengeluarkan wang dari akaun simpanan tetap si mati dan gagal mengemukakan resit asal tersebut semasa perbicaraan bagi menyangkal keterangan defendan bahawa resit asal tersebut telah pun diserahkan kepada defendan pada tahun 1995–1996. **C**
- [13] Defendan, di dalam pernyataan pembelannya, memplid bahawa pada tarikh dan masa plaintif membuat tuntutan ke atas wang berjumlah RM1,450,000, wang tersebut tidak lagi ada di dalam akaun simpanan tetap si mati. Ia telah dituntut sebelumnya dan telah pun dibayar kepada penuntut melalui dua cek bank iaitu pada 30 November 1995 bagi amaun sebanyak RM1,446,364.75 dan pada 30 Oktober 1996 bagi amaun sebanyak RM113,090.28. **D**
- [14] Pengurus operasi kawasan (SD1) bagi cawangan bank defendan di Johor dan Melaka telah memberi keterangan berdasarkan kepada rekod fail si mati yang dijumpai dari bilik kebal bahawa wang tersebut telah dituntut dan dibayar kepada penuntut pada 30 November 1995 dan 30 Oktober 1996. SD1 menyatakan demikian kerana ia mendapati salinan surat kuasa si mati yang mana plaintif adalah merupakan pentadbir harta pusaka si mati, ada di dalam fail si mati. Keterangan SD1 ini disokong oleh cetakan komputer (D17) dan salinan rekod bank (D18). D17 dan D18 ini telah diterima masuk sebagai keterangan. Dari nota keterangan kami mendapati bahawa plaintif tidak ada membantah D17 dan D18 ditanda sebagai eksibit. **E**
- [15] Hakim perbicaraan tidak langsung mengambil kira kandungan D17 dan D18. Ia juga menolak keterangan SD1 atas alasan bahawa SD1 tidak mempunyai pengetahuan peribadi semata-mata kerana pada tahun 1995 dan 1996, SD1 belum lagi bekerja dengan bank defendan tanpa mengambil kira bahawa keterangan SD1 adalah bersandarkan kepada rekod yang masih ada dengan bank defendan. **F**
- G**
- H**
- I**

**A** [16] Kes ini adalah satu kes yang amat mudah untuk dibuktikan. Plaintif hanya perlu mengemukakan resit asal simpanan tetap kepada defendan bagi menyokong tuntutan atau mengemukakan resit tersebut semasa perbicaraan. Seksyen 101 Akta Keterangan jelas memperuntukkan bahawa beban bukti adalah terletak pada plaintif. Plaintif gagal berbuat demikian.

**B** Kami mendapati plaintif tidak ada memplid bahawa resit asal simpanan tetap telah hilang atau wang tersebut telah tersalah bayar atau dituntut oleh pihak ketiga tanpa pengetahuan mereka. Adalah jelas bahawa hakim perbicaraan telah tersalah arah dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa defendan gagal membuktikan 'secara konklusif tanpa sebarang keraguan' bahawa resit asal simpanan tetap telah diserahkan oleh plaintif kepada defendan dan gagal membuktikan salinan resit-resit tersebut telah diserahkan kepada plaintif. Hakim perbicaraan juga memutuskan defendan gagal membuktikan akaun simpanan tetap telah ditutup dan wang tersebut telah diakuiterima oleh plaintif. Hakim perbicaraan nampaknya telah meletakkan beban ke atas defendan untuk menunjukkan bahawa plaintif pernah menyerahkan resit asal simpanan tetap kepada defendan. Hakim perbicaraan bukan sahaja tersalah arah mengenai obligasi plaintif untuk membuktikan kesnya tetapi telah meletakkan beban yang terlalu berat ke atas defendan bagi menyangkal tuntutan plaintif, iaitu dengan 'secara konklusif tanpa sebarang keraguan'.

**F** [17] Hakim perbicaraan menolak keterangan SD1 bahawa dokumen-dokumen penting mengenai akaun simpanan tetap si mati telah dimusnahkan dan defendan tidak lagi menyimpan rekod-rekod lama selepas tujuh tahun. Rekod-rekod tersebut telah dimusnahkan mengikut amalan defendan dan selaras dengan garis panduan Bank Negara Malaysia. Sebaliknya, hakim perbicaraan telah menggunakan s 114(g) Akta Keterangan terhadap defendan kerana gagal memanggil saksi-saksi dari Bank Negara bagi membuktikan garis panduan tersebut. Seksyen 167(2) Akta Syarikat 1965 jelas mengatakan bahawa obligasi untuk menyimpan rekod mengenai akaun hanyalah untuk selama tujuh tahun sahaja. Keterangan di dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa defendan telah melakukan apa sahaja yang perlu mengikut undang-undang untuk mengesan cek bank yang telah ditunaikan oleh plaintif termasuk mendapatkan perintah mahkamah bertarikh 27 Julai 2007 yang mengarahkan MBB membekalkan butir-butir akaun cek bank No 9590 bertarikh 31 Oktober 1996 berharga RM113,090.28 yang dikeluarkan atas nama plaintif tetapi MBB tidak dapat mematuhi perintah tersebut kerana ia juga tidak lagi menyimpan rekod-rekod lama selepas tempoh tujuh tahun.

**I** [18] Kami juga mendapati hakim perbicaraan tidak langsung mengambil kira keterangan SD1 mengenai prosedur pengendalian akaun simpanan tetap

bank defendan walaupun di dalam penghakimannya ia mengakui bahawa prosedur tersebut adalah 'bersifat urusan dalaman bank' dan 'tidak wajar dipertikaikan oleh mana-mana pihak'.

A

[19] SD1, di dalam pernyataan saksinya ada menjelaskan bahawa pemegang akaun simpanan tetap akan diberikan sesalinan resit simpanan tetap ('fixed deposit receipt'). Resit ini menunjukkan nama, nombor akaun, tarikh simpanan dibuat, jumlah yang didepositkan, kadar faedah dan kadar masanya matang dibayar. Apabila tiba masa matang, pemegang akaun simpanan tetap akan menyerahkan resit tersebut untuk tujuan pengeluaran. Bank akan mengesahkan dahulu kesahihan resit tersebut sebelum membuat bayaran, biasanya melalui cek bank atas nama pelanggan dan bank akan menyimpan resit sebagai bukti bahawa bayaran telah dibuat.

B

C

[20] Terma-terma di atas adalah merupakan kontrak di antara pemegang akaun dengan bank. Syarat bahawa pemegang akaun hendaklah menyerahkan resit simpanan kepada bank adalah merupakan pra-syarat yang mesti dipatuhi sebelum bayaran boleh dibuat. *Paget's Law of Banking*, Edisi Ke-9, pada ms 132 menjelaskan perbezaan di antara akaun deposit dan akaun semasa seperti berikut:

D

E

A distinguishing feature between deposit and current account is that the former may be subject to a condition precedent to the withdrawal of the money, in which case the money is not withdrawable and there is not cause of action until the condition is complied with.

F

[21] Di dalam kes *Atkinson v The Bradford Third Equitable Benefit Building Society* (1890) 25 QBD 377 pentadbir harta pusaka Thomas Atkinson (si mati) telah memfailkan tuntutan terhadap Bradford Building Society ('responden') apabila responden enggan membayar wang di dalam akaun deposit si mati walaupun pentadbir tersebut telah mengemukakan buku deposit si mati. Mengikut syarat, buku deposit tersebut hendaklah dikemukakan bagi tujuan pengeluaran. Responden menolak tuntutan pentadbir si mati atas alasan ia dihalang oleh *statute of limitations*. Fakta di dalam kes tersebut menunjukkan bahawa wang dari akaun deposit si mati telah dituntut dan dikeluarkan kepada pihak ketiga secara fraud. Hakim perbicaraan, Mathew J membenarkan tuntutan oleh pentadbir si mati. Responden merayu tetapi telah ditolak oleh Mahkamah Rayuan yang menyatakan:

G

H

the condition as to the production of the book was a condition precedent to the liability of the society to repay the money, so that until that condition had been complied with the statute of limitations did not begin to run against the lender.

I

[22] Kes tersebut di atas telah diikuti di dalam kes *Voo Foot Yiu v Oversea Chinese Banking Corpn Ltd* [1936] MLJ 213. Di dalam kes ini, plaintif adalah



- A** pentadbir sah harta pusaka pemegang akaun deposit Wan Toh Koh ('si mati').  
Plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan apabila defendan enggan membayar wang dari akaun deposit si mati kepada plaintif. Fakta di dalam kes ini juga menunjukkan bahawa wang dari akaun deposit si mati telah dituntut dan dibayar kepada pihak ketiga. Pihak ketiga tersebut berjaya mengeluarkan wang setelah mendapat surat kuasa mentadbir secara fraud. Mengikut syarat akaun deposit, wang dari akaun tersebut hanya boleh dikeluarkan dengan mengemukakan resit deposit. Whitley AG CJ, telah membenarkan tuntutan plaintif berdasarkan kepada resit deposit yang dikemukakan kepada bank. Whitley AG CJ pada ms 214 menyatakan:
- B**

- C** I cannot see how the plaintiff's claim can be refused. The deceased deposited money with the bank on the terms of a written document. One of those terms entitled her to think that as long as she kept the deposit receipts in her possession her money was safe and would not be paid out to anyone else. She kept the receipts in her possession and in due course her legal representative, the plaintiff, produced them to the bank when demanding payment on behalf of the estate.
- D**

- [23] Di dalam kes rayuan di sini, hakim perbicaraan gagal menimbangkan bahawa liabiliti bank defendan untuk membuat bayaran hanya timbul apabila plaintif telah memenuhi pra-syarat dengan mengemukakan resit simpanan tetap bagi menyokong tuntutan mereka. Tanpa mematuhi syarat tersebut, plaintif tidak ada kausa tindakan terhadap bank defendan. Hakim perbicaraan juga tidak ada membuat sebarang penemuan fakta sama ada wang berjumlah RM1,450,000 masih ada di dalam akaun simpanan tetap si mati. Kami mendapati bahawa tidak ada sebarang keterangan dikemukakan oleh plaintif bahawa wang tersebut masih di dalam akaun simpanan tetap si mati pada masa tindakan difailkan, bagi menyangkal pembelaan defendan bahawa wang tersebut telah dituntut dan dibayar kepada plaintif dan akaun tersebut telah ditutup lama sebelum plaintif memfailkan tindakan ini. Sebagai contoh, eksh D18 jelas menunjukkan bahawa wang berjumlah RM113,090.28 telah dibayar kepada kedua-dua plaintif pada 30 Oktober 1996 melalui cek bank No 9590. Nombor kad pengeluaran kedua-dua plaintif juga ada dicatatkan. Mereka tidak menafikan nombor kad pengenalan tersebut adalah merujuk kepada mereka. Walaupun peguam plaintif ada menyoal balas saksi-saksi defendan mengenai kandungan D18, plaintif tidak ada membantah D18 diterima masuk dan ditanda sebagai ekshibit defendan.
- E**
- F**
- G**
- H**

- [24] Pada penghakiman kami, keputusan hakim perbicaraan bahawa plaintif telah berjaya membuktikan kes mereka atas imbangan kebarangkalian adalah tidak disokong oleh keterangan yang ada di hadapannya, khususnya, plaintif gagal mematuhi pra-syarat bahawa resit simpanan tetap mestilah dikemukakan bagi menyokong tuntutan untuk mengeluarkan wang dari akaun simpanan tetap si mati. Hakim perbicaraan tidak mempunyai asas dari segi undang-undang untuk membenarkan tuntutan plaintif atas alasan bahawa
- I**

tuntutan mereka adalah logik dan munasabah dan dengan menggunakan doktrin 'legitimate expectation' yang jelas tidak terpakai di dalam konteks hubungan antara bank dan pelanggan. Kami mendapati tidak ada sebarang keterangan untuk menyokong bahawa wang tersebut masih ada di dalam akaun simpanan tetap si mati dan masih belum dituntut oleh mana-mana pihak.

A

B

[24] Atas alasan-alasan tersebut kami membenarkan rayuan defendan dan mengenyepikan perintah Mahkamah Tinggi dengan kos.

*Rayuan defendan dibenarkan dengan kos.*

C

Reported by Ibnu Aswan

D

E

F

G

H

I